



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU**

**MANSOR**

**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENYERAHAN KAD PUTRAPAY PERCUMA KEPADA**

**PELAJAR SEKOLAH, OKU DAN WARGA EMAS WILAYAH**

**PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**24 APRIL 2018 (SELASA) | 5.00 PETANG**

---

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam  
Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini sempena Majlis Penyerahan Kad PutraPay Percuma.

2. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, Syarikat Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours Sdn Bhd atau dikenali sebagai PAPTT dan agensi-agensi terlibat kerana telah merealisasikan hasrat saya untuk membantu golongan pelajar sekolah dengan isirumah berpendapatan rendah, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Warga Emas Wilayah Persekutuan Putrajaya dalam menangani beban kos sara hidup mereka sehari-hari.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

3. Konsep asal Kad Putra yang telah diperkenalkan oleh syarikat PAPTT sebelum ini, adalah dengan menggunakan sistem tambah nilai transit token sejak Februari 2016 yang lalu. Pada 15 Januari 2018, kad Putra ini diberikan penjenamaan semula kepada KAD PUTRAPAY yang membolehkan pembayaran tambang bas Nadiputra boleh dibuat 100% tanpa tunai. Sehingga ke hari ini, sebanyak 24,661 unit kad telah dikeluarkan bagi penguna bas Nadiputra di Wilayah Persekutuan. Dengan penggunaan kad ini anda dapat mengawal, dan

merancang perbelanjaan pengangkutan secara “Cepat, Selamat dan Berhemah”.

4. Atas keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa merasai denyutan nadi rakyat yang memerlukan bantuan terutamanya di kawasan Bandar, Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil inisiatif ini untuk memberikan 8,000 unit Kad PutraPay secara percuma kepada golongan sasaran iaitu para pelajar sekolah, OKU dan Warga Emas di Wilayah Persekutuan Putrajaya.
5. Edaran kad PutraPay ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula pada hari ini. Pemilik kad PutraPay ini bakal menikmati perkhidmatan secara PERCUMA tanpa had penggunaan bagi laluan dalam Putrajaya selama setahun berkuatkuasa esok, 25hb April 2018. Ternyata disini bahawa kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang sangat prihatin mengenai kesejahteraan hidup rakyatnya dan Kerajaan juga akan sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dalam memastikan mereka dapat menikmati kehidupan yang aman dan selesa.

6. Saya selaku ketua kampung di Putrajaya, berharap satu sistem pengangkutan yang bersepadu di sini dapat menghasilkan perkhidmatan yang terbaik untuk semua warga Malaysia khususnya bagi warga Wilayah Persekutuan Putrajaya. *Mass Rapid Transit* (MRT) laluan kedua yang berpengkalan dari Putrajaya Sentral ke Sungai Buloh, *High Speed Rail* (HSR) juga akan mempunyai terminal Bangi-Putrajaya selain daripada KLIA Transit yang menghubungkan KLIA 1 & 2 ke Terminal KL Sentral. Besar harapan saya syarikat PAPTT dapat meningkatkan prestasi dan kualiti perkhidmatan awam, khususnya pengangkutan bas bagi menzahirkan hasrat bandar hijau di Wilayah Persekutuan Putrajaya.
7. Pada hari ini kita bakal menyaksikan bagaimana satu lagi bentuk kerjasama di antara pihak Kerajaan dan Swasta dapat dijalankan bagi meningkatkan kesejahteraan para pengguna khususnya di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Saya yakin dengan penglibatan syarikat GETS Global Berhad di dalam PAPTT, operasi perkhidmatan bas Nadiputra di Putrajaya akan dapat dipertingkatkan lagi, Insha - Allah.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

8. Oleh itu, saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan sentiasa menyokong segala usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam membantu warga Wilayah Persekutuan khususnya untuk menangani bebanan kos sara hidup yang tinggi.
9. Besar harapan saya agar warga Wilayah Persekutuan Putrajaya akan terus menikmati kehidupan yang lebih ceria, aman damai dan sejahtera selaras dengan slogan Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera.
10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Perbadanan Putrajaya, PULSE Group dan GETS Global Berhad dengan memuktamadnya pengambilan saham syarikat PAPTT oleh pihak GETS Global hari ini.
11. Akhir kata, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini merasmikan Majlis Penyerahan Kad PutraPay Percuma kepada Pelajar Sekolah, OKU dan Warga Emas Wilayah Persekutuan Putrajaya.
12. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.